

# 9 Sebelah RiuhRio Utusan Malaysia meriah

Oleh NORHIDAYAH ABDUL MANAF  
sukan@utusan.com.my

SEREMBAN - Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah RiuhRio 2014 anjuran *Utusan Malaysia* di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini, bersempena Piala Dunia 2014 mendapat sambutan hangat daripada para peminat sukan bola sepak di negara ini.

Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor, berkata program tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai terutama dari Kelantan, Johor, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Sebanyak 32 pasukan menyertai pertandingan bola sepak sembilan sebelah bagi Kategori Lelaki Terbuka dan 16 pasukan bagi Kategori Cilik.

"Saya gembira melihat orang ramai yang datang sejak semalam untuk memberi semangat kepada pasukan mereka meskipun cuaca panas," katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Utusan Media Sales Sdn. Bhd. (Umes), Jamal Ahmed serta wakil-wakil penaja.

Sementara itu, Kategori Lelaki Terbuka menyaksikan pasukan Ed' Faron yang membawa pulang sebuah trofi bersama pingat dan RM6,000.

Kategori Cilik pula dimenangi oleh pasukan Waris Taman Dato yang membawa pulang pingat beserta RM500.

Kejohanan itu turut mendapat kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) selaku rakan strategik dan penajaan daripada USIM, produk kesihatan Diva dan Nona Roguy, pengeluar minuman 100 PLUS dan Vivie-E serta pakaian sukan FIGOS.

Kejohanan ini turut dimeriahkan dengan persembahan artis Amelia AF dan Nubhan.



OTHMAN Mohamad (belakang, dua dari kanan) bersama Hassan Mohd Noor, (tiga dari kanan) bergambar bersama pasukan Waris Taman Dato yang muncul Juara Kategori Cilik dalam Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah RiuhRio Utusan Malaysia di USIM, Nilai semalam. - UTUSAN/KAMAL BASIR WAHAB



OTHMAN Mohamad (tengah) bersama Hassan Mohd. Noor bersama-sama meraikan kejayaan pasukan Ed Faron FC (tengah) yang muncul Juara Kategori Lelaki Terbuka, manakala pasukan Seringgit FC (kiri) muncul naib juara dan ketiga Anak Dagang FC (kanan) di tempat ketiga Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah RiuhRio Utusan Malaysia di USIM, Nilai semalam.